

Headline	Bapa tiri bunuh saya		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	38	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	Azlan Hafeedz	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,268



Bapa tiri 'bunuh' saya

Gadis diperkosa tanggung derita hidap HIV

Azlan Hafeedz

BACHOK: Seorang wanita mendakwa dibaling plastik berisi kelapa parut oleh seorang pemilik kedai runcit gara-gara takut 'berjangkit' sebaik berita mengenai dirinya menghidap virus HIV tersebar luas di kampungnya.

Malah, saudara-mara termasuk rakan karib turut memulaukan dirinya hingga wanita berusia 23 tahun itu menangis mengenangkan nasib yang menimpanya.

Mahu dikenali sebagai Nita, dia berkata, penyakit itu bukan dicari, sebaliknya berjangkit daripada ayah tirinya yang meninggal dunia tiga tahun lalu akibat Aids.

Katanya, ayah tiri yang juga penagih dadah memperkosanya menyebabkan dia dijangkiti HIV.

Mengimbas kembali perubahan hidupnya, Nita berkata, kehidupan keluarga mula berubah apabila ayah kandung meninggal dunia sebelum ibu berkahwin dengan lelaki lain tanpa mengetahui suami barunya itu penagih dadah.

"Dua bulan selepas ibu meninggal dunia kerana barah, saya dijadikan tempat untuk melampiaskan hawa nafsu oleh ayah tiri yang mem-



NITA...tertekan disisih saudara-mara

perkosa saya ketika berusia 15 tahun," katanya.

Menurut Nita, beberapa bulan selepas diperkosa, dia ke sebuah hospital kerajaan sebaik mendapati rambutnya gugur seperti menghidap leukimia, tetapi terkejut apabila doktor mengesahkan dia positif HIV.

Katanya, dia meraung sekuat hati dalam bilik di rumah kerana terlalu sedih sebaik mengetahui perkara itu.

"Siapa yang tidak sedih kerana dalam usia muda itu, saya menanggung penyakit

yang susah diubati. Saya bagaikan hilang pedoman sehingga kebabajikan adik saya terabai.

"Saudara-mara pula menyisihkan saya sehingga berasa diri ini sebagai sampah menyebabkan hidup semakin tertekan," katanya ketika ditemui di Rumah Masyarakat Prihatin (RMP), di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, selepas dua tahun menanggung derita, Nita bertemu dua insan, Zaimah Husin dan anaknya, Zahrain Zulkifly yang simpati dengan penderitaannya.

"Mereka menjemput dan membawa saya ke RMP sebelum memberi kata-kata semangat serta rawatan pemulihan."

"Sepanjang berada di RMP, banyak perubahan berlaku pada saya. Saya dibentuk mereka menjadi manusia normal hinggakan saya lupa seketika penyakit dihidapi.

"Saya bersyukur kerana semakin bersemangat untuk meneruskan hidup hasil bimbingan mereka yang saya anggap sebagai ibu dan abang," katanya.

Selain hidup bahagia bersama dua adiknya di rumah berkenaan, Nita turut menjadi jurucakap RMP kepada wanita HIV lain di Malaysia.